

PUSAT PENGURUSAN PENYELIDIKAN (RMC)

PENYERAHAN RUANG RESEARCH LOUNGE



Pada **03 November 2017**, telah berlangsung sesi penyerahan ruang *Research Lounge*, RMC. Sesi ini dihadiri oleh Timbalan Pendaftar RMC, Puan Hawa Omar, Timbalan Pengarah Penyenggaraan, Pejabat Pembangunan dan Penyenggaraan, En. Mohd. Rosli Harun dan *Sakajong Construction*, kontraktor yang dilantik. Ruang *Research Lounge* kini menunggu kemasukan perabot yang sedang dalam proses perolehan.



UJILARI SISTEM PENGURUSAN DOKUMEN (DMS)

Pada **06 hingga 09 November 2017**, telah berlangsung sesi ujilari Sistem Pengurusan Dokumen (Document Management System - DMS) di RMC. Sistem ini telah dibangunkan oleh pelajar program Sarjana Muda, Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat (FSKTM), UTHM yang telah menjalani Latihan Industri di RMC dan Pusat Teknologi Maklumat. Objektif utama pembangunan sistem ini adalah untuk merekod terimaan dokumen serta memantau pergerakan dokumen yang diproses di RMC. Sistem ini telah digunakan sepenuhnya oleh RMC pada 01 Disember 2017.



PELUPUSAN ASET PUSAT TANGGUNGJAWAB (PTJ)




Pelupusan aset bagi beberapa Pusat Tanggungjawab (PTJ) di bawah Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) telah dilaksanakan pada **13 hingga 16 November 2017**. Proses penilaian bagi tujuan pelupusan aset telah dilaksanakan di Pejabat Am, RMC. Beberapa Pegawai Pemeriksa yang dilantik iaitu Dr. Mohd. Norzali Hj. Mohd., En. Mohd. Rosli Harun, En. Mohd. Syahrol Azroy Kasem, En. Mohamed Nasrul Mohamed Hatta, Pn. Hanisyarina Md. Ali @ Jaafar, En. Syafian Hadi Kam-siar dan En. Zubaile Abdullah telah menjalankan pemeriksaan terhadap semua peralatan yang akan dilupuskan. Pelupusan aset ini adalah bagi peralatan yang dibeli menggunakan peruntukan geran penyelidikan, yang mana tempoh penyelidikan telah pun tamat.

PUSAT PENGURUSAN PENYELIDIKAN (RMC)

AKEPT COMPETENCY & ENHANCEMENT PROGRAMME RESEARCH (ACEP)

Pada **28 dan 29 November 2017** bertempat di Dewan Jemaah, Perpustakaan Tunku Tun Aminah telah berlangsung program *AKEPT Competency & Enhancement Programme Research (ACEP) (Module : R103) Commercialisation*. Program ini merupakan anjuran AKEPT bersama UTHM, Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTEM). Program telah dimulakan dengan ucapan aluan dan perasmian oleh Profesor Dr. Ruzairi Abdul Rahim, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi). Penceramah jemputan yang terlibat ialah Profesor Ulung Datuk Dr. Harith Ahmad, Dr. Kavintharan Thambiratnam dan En. Mohammad Faizal Ismail. Seramai 30 peserta dari kalangan staf akademik dan pegawai penyelidik IPTA/IPTS telah menyertai program ini. Di antara objektif program adalah untuk mengenalpasti kepentingan harta intelek dan proses pra-pengkomersilan, mengetahui platform pengkomersilan, mekanisme mendapatkan tajaan & pemasaran, memahami konsep *Start-Up* dan *Spin-Off* serta mengasah bakat dalam penulisan perancangan perniagaan. Semoga program ini memberi manfaat kepada semua peserta yang hadir.



**MAJLIS MERAIKAN SATU TAHUN PERKHIDMATAN
TIMBALAN NAIB CANSELOR (PENYELIDIKAN DAN INOVASI)**

Pada tanggal **30 November 2017**, majlis meraikan satu tahun perkhidmatan Profesor Dr. Ruzairi Abdul Rahim, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) di UTHM telah diadakan di *Research Lounge, RMC*. Majlis yang dimeriahkan dengan kehadiran warga kerja dari RMC, Pusat Inovasi & pengkomersilan (ICC), Institut Kejuruteraan Integrasi (I²E), Pejabat Hubungan Universiti & Industri (PHUI) dan Pejabat Penerbit telah dimulakan dengan ucapan aluan daripada wakil staf iaitu Profesor Dr. Mohd. Amri Lajis, Pengarah RMC. Majlis telah disusuli dengan amanat ringkas oleh TNC (P&I). Majlis merakamkan ucapan tahniat dan terima kasih kepada Profesor Dr. Ruzairi dan berharap agar beliau akan terus membantu dalam meningkatkan serta memperkasakan aktiviti penyelidikan dan inovasi di universiti.

